

18/10/2002

Swasta pemangkin pembangunan pertanian

Nik Yahya Abdul Rahman

MENTERI Pertanian, Datuk Effendi Norwawi, menegaskan empat falsafah pertanian moden yang perlu dijadikan pegangan - menjadikan pertanian sebagai kegiatan perniagaan atau industri; bersedia menggunakan teknologi moden bagi meningkatkan hasil produktiviti; berusaha untuk menambah nilai pada produk berasaskan pertanian dan mematuhi piawaian badan antarabangsa untuk memenuhi cita rasa pelbagai bangsa di seluruh dunia.

Dalam memperkukuhkan empat falsafah itu, usaha pertanian juga perlu dilakukan secara profesional dan berskala besar.

"Untuk berjaya dalam industri pertanian, kita jangan takut untuk melatih ahli profesional dalam sesuatu bidang yang ingin kita ceburi.

"Mereka akan dapat memberikan nasihat dalam pengurusan organisasi dan membuat pelan perniagaan untuk organisasi yang diwujudkan," katanya pada majlis dialog Persediaan Dalam Industri Pertanian, Perikanan dan Penternakan Negara menjelang Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dan Globalisasi di Kota Bharu, 12 Oktober lalu.

Effendi juga berkata, Kementerian Pertanian mempunyai kelompok kumpulan sasar secara langsung yang terdiri daripada masyarakat pertanian dan usahawan individu atau pihak swasta dalam bidang perladangan atau projek di bawah Kementerian Pertanian Diperbadankan.

Sebenarnya, pengeluaran hasil pertanian negara terus meningkat setiap tahun dan dijangkakan pada 2005, sektor pertanian akan menyumbang RM81.5 bilion berbanding RM15 bilion pada 2001.

Ini bersesuaian dengan harapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meletakkan sektor pertanian sebagai sebagai penjana ketiga kepada pembangunan negara - selepas sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Selain itu, Kementerian Pertanian melalui 13 jabatan serta agensi di bawahnya bertanggungjawab dalam transformasi teknologi pertanian moden kepada kumpulan sasar dan pada masa sama untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Setiap tahun, negara terpaksa berbelanja tidak kurang RM13 bilion untuk mengimport hasil pertanian dan makanan.

Justeru, pengusaha perlu merebut peluang berkenaan secara proaktif, termasuk mengusahakan ladang makanan, ternakan dan perikanan bagi mengurangkan jumlah bebanan kerajaan itu.

Dalam hubungan ini, Effendi berkata, pihak swasta dan usahawan tempatan boleh menceburi bidang pengeluaran hasil pertanian dan makanan secara serius.

Katanya, lapan peluang perniagaan atau industri pertanian dan makanan dikenal pasti oleh Kementerian Pertanian yang mampu menjana ekonomi negara, antaranya ialah mengusahakan tanaman makanan, sayur-sayuran atau buah-buahan secara moden.

Contohnya, pengenalan teknologi tanaman tomato menggunakan rumah kaca yang berjaya mengeluarkan sebanyak 600 tan metrik sehektar semusim di Belanda yang sesuai dilaksanakan di negara ini.

Usaha untuk menanam tanaman herba dan rempah ratus juga mempunyai permintaan tinggi. Satu Pelan Induk Tanaman Herba sedang digariskan oleh Kementerian Pertanian bagi dijadikan panduan oleh pengusaha tempatan.

Turut tidak ketinggalan ialah tanaman bunga-bunga yang mempunyai nilai komersial yang tinggi, berpotensi besar untuk diceburi. Kini Malaysia adalah antara pengeksport terbesar orkid ke Jepun, Hong Kong, Singapura dan Brunei.

Satu lagi industri yang berdaya saing ialah pemprosesan produk berasaskan buah-buahan tropika seperti belimbing, nangka, mangga, rambutan, nanas dan duku.

Sayur-sayuran, hasil ternakan dan hasil perikanan juga boleh diproses serta ditinkan secara besar-besaran bagi menembusi pasaran antarabangsa.

Usahawan juga boleh menceburi bidang penyediaan rangkaian makanan halal untuk menampung permintaan 1.8 juta bilion umat Islam di seluruh dunia dengan nilai kira-kira RM80 bilion setahun. Angka berkenaan semakin meningkat kerana jumlah penduduk terus bertambah.

Selain itu, projek ternakan ayam daging dan lembu feedlot secara besar-besaran baik di padang ragut atau diusahakan secara integrasi di ladang kelapa sawit boleh diceburi kerana permintaan terhadap ayam daging dan daging lembu sentiasa tinggi.

Pada masa sama, peluang untuk eksport ke negara Asean dan Kesatuan Eropah (EU) terbuka luas untuk diterokai.

Malah, peluang seharusnya dimanfaatkan untuk menerokai projek penangkapan ikan tuna secara berkumpulan di Lautan Hindi kerana pulangnya yang lumayan.

Walaupun modal diperlukan agak besar, Jabatan Perikanan menyediakan skim latihan teknikal untuk mengajar sesiapa yang berminat menjadi tekong dan krew bot laut dalam dan laut terbuka. Bank Pertanian Malaysia (BPM) pula mempunyai skim kredit yang sesuai untuk pelabur meminjam dengan kadar faedah yang rendah.

Untuk meningkatkan jumlah keluaran ikan negara, industri akuakultur berpotensi besar dimajukan. Buat masa ini, pengeluaran ikan ternakan akuakultur ialah 150,000 tan metrik setahun dan pada 2005, negara dijangka mampu mengeluarkan 600,000 tan metrik setahun dengan nilai RM4 bilion.

Jabatan Perikanan sedang menyediakan Zon Industri Akuakultur (AIZ) yang diwartakan kerajaan negeri bagi terus memajukan industri akuakultur.

Untuk membangunkan nelayan dan usahawan nelayan Kelantan, Effendi berkata, kerajaan sedang berusaha meningkatkan kemudahan pendaratan ikan bernilai RM60 juta di Tok Bali, Pasir Puteh dengan peruntukan awal RM8 juta untuk kerja-kerja tanah dan selebihnya akan didapati daripada Peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan.

Kementerian Pertanian telah merangka Pelan Pembangunan Tok Bali untuk dijadikan pelabuhan termoden di Pantai Timur termasuk penggunaan komputer secara keseluruhannya.

Projek ini yang dijangka siap dalam tempoh enam bulan, adalah sebahagian usaha kementerian menjadikan sektor perikanan negara, termasuk di Kelantan, sebagai industri moden dengan pembabitan nelayan tempatan.

Antara tumpuan utama di pelabuhan itu ialah pembinaan kilang pemprosesan hasil laut yang dikendalikan Konsortium Perikanan MOA Inc Negeri Kelantan.

Pembinaan pelabuhan Tok Bali akan menarik semua nelayan negeri itu mendaratkan ikan di situ, bukannya di negara jiran kerana negara kehilangan pendapatan kira-kira RM1 bilion setahun.

Usahawan tempatan perlu memberikan tumpuan kepada penggunaan teknologi moden untuk menghadapi persaingan globalisasi dan liberalisasi perdagangan menjelang pelaksanaan perjanjian AFTA dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Barangan kita akan mampu bersaing di peringkat global sekiranya kita menggunakan teknologi moden," kata Effendi.

Bersesuaian dengan pembangunan industri pertanian negara, Kelantan terkenal dengan pengeluaran hasil pertanian dan makanan. Justeru, fokus pelaburan pihak swasta perlu menjurus ke arah itu.

Sesungguhnya, peluang masih terbuka untuk pelabur swasta dan usahawan untuk melabur dalam bidang berkenaan. Tanpa rasa takut dan gentar, sinar kepada kejayaan sentiasa menanti kerana banyak bidang perniagaan baru yang

belum diceburi orang lain, boleh direbut pada masa terdekat ini.